

17/12/1997

Dagang guna mata wang tempatan

KUALA LUMPUR, Selasa - Asean meminta Jepun mengadakan semua urusan niaga dengan negara-negara anggotanya menggunakan mata wang masing-masing, dalam usaha mengurangkan beban jika berurusan dalam yen atau dolar Amerika Syarikat.

Permintaan pemimpin Asean itu disampaikan kepada Perdana Menteri Jepun, Ryutaro Hashimoto dalam mesyuarat Asean-Jepun pada Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Asean Kedua, di sini pagi tadi.

Mengumumkan perkara itu dalam sidang akhbar, Perdana Menteri Filipina, Fidel Ramos, berkata langkah itu selaras dengan usaha Asean meminta kuasa besar ekonomi, seperti Jepun, China dan Korea turut membantu Asean memulihkan keadaan ekonomi dan pasaran saham secepat mungkin.

"Permintaan itu dibuat dalam mesyuarat dua hala Asean-Jepun pagi tadi dan kita meminta mereka mengkaji cadangan untuk menggunakan mata wang negara-negara Asean dalam perdagangan dengan rantau ini.

"Perkara ini kini dikaji Menteri Kewangan Asean dan pegawai terbabit. Mereka akan mengadakan mesyuarat kali kedua awal tahun depan dan ia akan dihadiri wakil dari Jepun," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang bertindak sebagai tuan rumah turut menegaskan permintaan berkenaan bukan sekadar untuk negara-negara Asean, bahkan diharap dapat turut membabitkan Korea Selatan yang turut mengalami kejatuhan nilai won yang lebih serius.

"Disebabkan Won Korea juga jatuh teruk, sebarang urusan perdagangan yang dibuat di kalangan ahli Asean patut disertai Korea.

"Ini bertujuan mengurangkan penggantungan ke atas mata wang utama antarabangsa. Perdagangan patut dilakukan dengan menggunakan mata wang negara-negara terbabit," katanya pada sidang akhbar selepas mesyuarat berasingan dengan tiga rakan dialog Asean, iaitu Asean-Jepun, Asean-China dan Asean-Korea Selatan, di sini petang ini.

Perdana Menteri Korea Selatan, Koh Kun, dalam pertemuan dengan rakan-rakan Asean turut mencadangkan satu pasukan pakar untuk mengkaji bagaimana perdagangan seumpama itu boleh dilaksanakan.

"Semua negara Asean lain bersetuju kerana perdagangan intra-Asean itu membabitkan negara-negara rantau ini," katanya.

Ketika ini, semua urusan perdagangan, terutama membabitkan pembayaran dibuat mengikut yen Jepun dan dengan kejatuhan nilai mata wang beberapa negara Asia Tenggara dan Korea Selatan, urusan dalam yen akan lebih membebankan mereka berikutan kadarnya meningkat lebih 50 peratus berbanding enam bulan lalu.

Sementara itu, Ramos yang mengulas lanjut perkara itu berkata, pemimpin Asean pada dasarnya bersetuju untuk menjalankan perdagangan di kalangan mereka dengan menggunakan mata wang serantau.

Semalam, Dr Mahathir berkata, pemimpin Asean bersetuju mengarahkan menteri kewangan pertubuhan itu mengkaji penggunaan lebih daripada satu mata wang dalam urusan niaga perdagangan antarabangsa.

Mengenai cadangan lain Ramos berkata, adalah perlu untuk negara Asean melaksanakan mekanisme perdagangan seperti sistem barter (tukar barang) bagi menggalakkan perdagangan serantau sekali gus mengurangkan bebas kewangan negara terbabit.

Menurutnya, sistem barter bukanlah sesuatu yang baru. Ia diamalkan di rantau Asean dan negara lain di dunia.

"Cadangan untuk menggunakan mata wang negara Asean untuk perdagangan

serantau masih dikaji. Dalam keadaan sekarang, negara Asean yang menjadi mangsa dan untuk itu, pendekatan sistem barter adalah perlu begitu juga sistem pertukaran barangan yang lain.

"Pendekatan ini sudah pun dilaksanakan. Sebagai contoh, import beras dari Vietnam ke Filipina dilaksanakan melalui sistem barter atau dalam bentuk lain. Tidak semestinya ia membabitkan duit," katanya.

Ramos berkata, Filipina juga berpendapat perlunya Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) mempercepatkan kajiannya mengenai struktur pasaran kewangan global dan aliran modal jangka pendek selain memperkenalkan langkah wajar untuk menstabilkan mata wang Asean.

Beliau menyuarakan sokongan kepada keputusan Menteri-menteri Kewangan Asean dengan bantuan Bank Pembangunan Asia (ADB) dan kerjasama Agensi Kewangan Antarabangsa, untuk mewujudkan mekanisme pengawasan serantau bagi mengelakkan krisis ekonomi pada masa akan datang.

(END)